



Polis Clementi Divisyen Darat Terbaik

► **ERVINA MOHD JAMIL**
ervinamj@sph.com.sg

MENJAGA keamanan dari Sentosa ke Pulau Jurong, pegawai Divisyen Polis Clementi berhadapan dengan pelbagai jenis isu, daripada jenayah kecil hingga melindungi pangkalan penting seperti Pulau Jurong daripada ancaman penganasan.

Meskipun antara divisyen polis darat terkecil di sini, ia menangani pelbagai jenis kes setiap hari, dengan pelbagai jenis tempat berbeza di bawah kuasanya.

Divisyen polis itu dinamakan sebagai Divisyen Darat Terbaik daripada enam divisyen darat di sini tahun ini.

Komander Divisyen Polis Clementi, Penolong Pesuruhjaya Kanan (SAC) Gerald Lim, menerima anugerah itu daripada Menteri Kedua (Ehwal Dalam Negeri merangkap Pembangunan Negara), Encik Desmond Lee, di Upacara Hari Polis di Akademi Home Team Sabtu lalu.

Anugerah itu antara lain mengiktiraf divisyen darat polis yang cemerlang berdasarkan beberapa aspek, termasuk keberkesanan misi, kecekapan serta nilai dan kesediaan.

Ini kali kelapan Divisyen Polis Clementi memenangi anugerah yang diperkenalkan pada 1996 itu.

Ketika ditemui dalam satu sidang media, SAC Lim berkata kemenangan ini hasil kerjasama dan milik setiap pegawai di Divisyen Polis Clementi.

“Ini bukan tugas mudah kerana terdapat pelbagai cabaran dan ancaman di luar sana. Kami tidak tahu bila pegawai kami akan tercedera.

“Dengan ancaman keselamatan sekarang, mereka juga sentiasa terdedah kepada risiko kerana dengan pakaian seragam yang mereka pakai, orang ramai kenal siapa mereka tetapi mereka tidak tahu siapa pelakunya.

“Namun, mereka tetap memakai pakaian seragam itu setiap hari dan keluar berkhidmat bagi menjaga keselamatan Singapura,” kata SAC Lim, sambil menambah bahawa keselamatan pegawainya antara perkara yang membuat beliau tidak boleh tidur malam.

SAC Lim juga berkata kerjasama dengan masyarakat awam penting bagi membantu mereka dalam siasatan kes.

Misalnya, dengan kerjasama sebuah



BAKTI PERANGI JENAYAH: SAC Gerald Lim (*depan*) bersama pegawai kanan daripada Divisyen Polis Clementi, yang dinamakan Divisyen Darat Terbaik, tahun ini. – Foto-foto SHIN MIN

syarikat teksi dan resort bersepadu Marina Bay Sands (MBS), pegawai divisyen itu berjaya menangkap dua lelaki Vietnam yang melarikan wang tunai setengah juta dolar selepas memecah masuk kedai sayur dan buah di Pusat Borong Pasir Panjang Januari tahun lalu dalam masa 16 jam – satu tempoh yang singkat – selepas hal itu dilaporkan pemilik gerai tersebut.

Dengan bantuan pemandu teksi daripada syarikat teksi itu, polis mendapat petunjuk

yang akhirnya membawa mereka ke MBS, tempat dua lelaki itu menginap.

Menerusi rakaman kamera litar tertutup (CCTV) langsung MBS, polis menjejaki dua lelaki itu sedang berbelanja di sebuah kedai di MBS dan menangkap mereka.

Polis juga menemui kebanyakan wang yang dilarikan itu dalam bilik hotel mereka, kecuali sejumlah kecil yang mereka telah belanjakan. Mereka dihukum penjara empat setengah tahun setiap seorang.

SAC Lim turut menekankan peranan penting pihak berkepentingan bagi membantu polis memerangi jenayah.

“Tugas ini memerlukan kerjasama antara pelbagai agensi dan pihak berkepentingan.

“Misalnya, kalau MBS tidak mahu menunjukkan pegawai kami rakaman CCTV itu dan meminta kami kembali dengan waran, anda rasa kami boleh menyelesaikan kes ini dalam 16 jam? Tentunya tidak,” ujarnya.

Pegawai ‘baru’ antara penerima Anugerah Kepujian Pesuruhjaya Polis

MESKIPUN baru berkhidmat bersama Pasukan Polis Singapura (SPF) tiga tahun lalu, pegawai penyiasat kanan Inspektor Muhd Hafiz Roslee sudah diiktiraf dengan anugerah berprestij dalam SPF – Anugerah Kepujian Pesuruhjaya Polis.

Meskipun bersyukur, beliau enggan menerima pengiktirafan itu sendiri, sebaliknya menganggapnya satu penghargaan bagi seluruh pasukannya di Divisyen Polis Clementi.

“Saya tidak boleh melakukan ini sendiri kerana ini hasil kerjasama semua orang.

“Kadang-kadang pada 4 pagi saya memerlukan bantuan pegawai dalam kes tertentu dan mereka perlu melaporkan diri pada 5 pagi... sehingga 40 atau 50 pegawai perlu datang dalam masa sejam untuk membantu saya selaku pegawai bertanggungjawab ke atas kes itu,” kata Inspektor Hafiz, 27 tahun.

Anugerah Kepujian Pesuruhjaya Polis mengiktiraf individu dan pasukan bagi khidmat dan sifat kepimpinan cemerlang konsisten.

Sabtu lalu, Inspektor Hafiz antara 150 penerima yang menerima anugerah itu daripada Pesuruhjaya Polis Hoong Wee Teck semasa upacara penyampaian Anugerah Kepujian Pesuruhjaya Polis di Akademi Home Team.

Sejak ditugaskan di Divisyen Polis Clementi sekitar dua tahun lalu, beliau telah menangani beberapa kes berprofil tinggi, termasuk kes bunuh seorang jurutera warga China berusia 31 tahun, Cik Cui Yajie, tahun lalu.

“Saya tidak boleh melakukan ini sendiri kerana ini hasil kerjasama semua orang. Kadang-kadang pada 4 pagi saya memerlukan bantuan pegawai dalam kes tertentu dan mereka perlu melaporkan diri pada 5 pagi... sehingga 40 atau 50 pegawai perlu datang dalam masa sejam untuk membantu saya selaku pegawai yang bertanggungjawab ke atas kes itu.”

– Pegawai Penyiasat Kanan Divisyen Polis Clementi, Inspektor Muhd Hafiz Roslee (*kanan*).

Dengan gerak hatinya yang kuat, Inspektor Hafiz dapat menghidu ada sesuatu tidak kena apabila menerima laporan tentang kehilangan Cik Cui.

Beliau dan beberapa pegawai kemudian menyiasat antara lain dengan memeriksa kamera polis dan bercakap dengan rakan kerja Cik Cui.

“Saya tahu ada sesuatu tidak kena walaupun saya tidak tahu apa pada awalnya,” ujarnya, sambil menambah bahawa beliau memaklumkan hal itu kepada ketua siasatan dan lebih ramai pegawai dikerah bagi membantu dalam siasatan kes itu.

Menurut Inspektor Hafiz, beliau tidak pulang ke rumah kira-kira lima hari selepas itu dan tidak tidur tiga hari sepanjang menyiasat kes tersebut bersama pegawai lain.

Hasil siasatan yang dijalankan Inspektor Hafiz dan pasukannya, seorang suspek lelaki berusia 48 tahun ditangkap. Kes itu sedang dibicarakan di mahkamah.

“Walaupun kadang-kadang tidak dapat tidur tiga hingga empat hari untuk menyiasat kes, saya tidak rasa penat kerana terdorong matlamat membantu orang dan membawa keadilan kepada mereka yang memerlukan.

“Ini kerjaya yang mencabar tetapi memberi banyak kepuasan. Keluarga saya juga sentiasa memberi saya sokongan dan memahami pekerjaan saya, termasuk apabila saya terpaksa kembali ke tempat kerja pada tengah malam atau di tengah-tengah sambutan ulang tahun,” ujar lulusan jurusan pemasaran perniagaan Institut Pengurusan Singapura-Universiti RMIT (SIM-RMIT) itu.



Untuk
melanggan
Berita
Harian,
orang
ramai
boleh
melung-
suri laman
www.bh-
sub.sg
atau
hubungi
6319-1800.

